

**TAKLIMAT TATACARA PENGGUNAAN
RAPID TEST KIT HIV DAN SIFILIS DAN RETEN YANG
BERKAITAN DENGAN PENYAKIT PMTCT/STI SECARA
MAYA (VIRTUAL)**

***Unit HIV/STI/Hepatitis C,
Bahagian Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor***

OBJEKTIF

Untuk memberi Latihan kepada pegawai pelaksana mengenai tatacara penggunaan rapid test kit HIV dan Sifilis dan pemurnian reten berkaitan Sifilis yang melibatkan klinik kesihatan/ Klinik Desa dan Labour room/ Klinik ID HSAJB di negeri Johor

**Bekalan ujian rapid test kit HIV dan sifilis ini adalah bertujuan untuk memastikan pesakit yang mempunyai berisiko tinggi penyakit Sifilis diberi perawatan yang efisien dan sempurna di lapangan.
Dengan ini ia dapat mengurangkan masa menunggu keputusan sampel ujian pengesahan.**



Pengurusan Penggunaan Rapid Test Kit HIV dan Syphilis

Anggota kesihatan yang bertanggungjawab dalam penggunaan Rapid Test Kit HIV dan Syphilis

- Memandangkan Rapid Test Kit HIV dan Syphilis ini menggunakan pendekatan secara Point of Care Test (POCT)
- Maka perjawatan selain juruteknologi makmal sahaja yang layak untuk menggunakan peralatan ini.
- Adalah dicadangkan agar semua klinik kesihatan/labour room mengenalpasti paramedik di fasiliti masing masing untuk bertanggungjawab dalam pelaksanaan penggunaannya.
- Paramedik yang terpilih juga perlu diberikan latihan oleh jawatankuasa POCT daerah/kk/hospital
- Hanya pegawai yang telah dilatih sahaja yang layak menjalankan ujian ini.

Pemantauan penggunaan Rapid Test Kit HIV dan Syphilis

- Bagi reten penggunaan pula, semua klien yang telah menjalani ujian Rapid Test Kit HIV/Syphilis ini, hendaklah didaftarkan dalam linelisting Sexual Transmitted Infections (STI) .
- Ini adalah kerana Rapid Test Kit ini merupakan stok yang perlu pemantauan.
- Linelisting ini boleh didapati secara soft copy di laman sesawang:
<http://elearningjknj.moh.gov.my/course/view.php?id=35>
ataupun melalui QR code berikut.
- Linelisting ini hendaklah diberikan secara soft copy secara bulanan sebelum 5hb bulan berikutnya melalui email kepada hivjknj@moh.gov.my
- Sebarang permasalahan berkaitan reten pemantauan ini boleh hubungi :
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
hivjknj@moh.gov.my





Pemantauan penyimpanan stok *Rapid Test Kit HIV/Syphilis*

- Pemantauan penyimpanan stok Rapid Test Kit HIV/Syphilis ini adalah di bawah Pakar Perubatan Keluarga dengan kerjasama Ketua Juruteknologi Makmal di peringkat Klinik Kesihatan dan ketua jawatankuasa POCT hospital yang terlibat.
- Permohonan stok tambahan – Hubungi Unit HIV/STI/Hepatitis C, KA, JKNJ melalui email hivjknj@moh.gov.my
- Permohonan hendaklah dibuat melalui JTMP Daerah/Pegawai POCT di labour room/ID dengan menggunakan borang inden selaras dengan tatacara pengurusan stok.



**Tatacara Penggunaan
Rapid Test Kit HIV Ke Atas Golongan
Berisiko Tinggi Di Negeri Johor**

**SURAT EDARAN PEKELILING KETUA
PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL10/2020 KEMASKINI CARTA ALIR
UJIAN SARINGAN DAN PENGESAHAN HIV**



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

(Lampiran A)

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/120 JLD2 (9b)
Tarikh : 8 Januari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN


YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA BIL. 10/2020 KEMASKINI CARTA ALIR UJIAN SARINGAN DAN
PENGESAHAN HIV**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pihak IMR telah mengemaskini carta alir ujian saringan dan pengesahan HIV melalui surat rujukan: IMR/ IDRC/ VIRO/ 23/ 2301/ 05 (65) bertarikh 4 Disember 2020.
3. Bagi menyeragamkan pelaksanaan ujian saringan dan pengesahan HIV mengikut carta alir yang telah dikemaskini, bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling berkenaan untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya.
4. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Algorithm 3: Algorithm for HIV Antibody Testing Using Single Rapid Diagnostic Test (1-RDT Strategy)



Keputusan ujian saringan HIV ketika *antenatal booking* perlu dicatat di buku rekod/kad pemeriksaan kesihatan ibu mengandung.

- Disarankan guna cop :
- Nota tambahan pada cop : control Positif/negatif

SENARAI PUSAT YANG MENJALANKAN UJIAN HIV SECARA ELISA, PARTICLE AGGLUTINATION (PA) DAN UJIAN LINE IMMUNOASSAY (DIKEMASKINI SEHINGGA 15 JUN 2020)

- (i) **Senarai Pusat yang menjalankan Ujian HIV (*Enzyme Immunoassay – EIA*)**

| NEGERI | INSTITUT/HOSPITAL |
|----------|---------------------------------------|
| INSTITUT | INSTITUT KANSER NEGARA |
| | INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR) |
| JOHOR | HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU |
| | HOSPITAL ENCHE' BESAR HAJJAH KHALSOM |
| | HOSPITAL PAKAR SULTANAH FATIMAH MUAR |
| | HOSPITAL SEGAMAT |
| | HOSPITAL SULTAN ISMAIL JOHOR BAHRU |
| | HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL |
| | HOSPITAL SULTANAH RAHIYAH |

- (ii) **Senarai Pusat yang menjalankan Ujian HIV (*Particle Agglutination – PA*)**

| NEGERI | INSTITUT/HOSPITAL |
|----------|---------------------------------------|
| INSTITUT | INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR) |
| JOHOR | HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU |
| | HOSPITAL ENCHE' BESAR HAJJAH KHALSOM |
| | HOSPITAL PAKAR SULTANAH FATIMAH MUAR |
| | HOSPITAL SEGAMAT |
| | HOSPITAL SULTAN ISMAIL JOHOR BAHRU |
| | HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL |
| | HOSPITAL SULTANAH BAHIYAH |


GARIS PANDUAN
PENGUKUHAN PROGRAM
PENCEGAHAN JANGKITAN
HIV DAN SIFILIS
DARI IBU-KE-ANAK



Edisi Kedua
Jun 2021

Disediakan Oleh:
Sektor HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Carta alir tatacara ujian saringan HIV bagi ibu mengandung yang status jangkitan HIV tidak diketahui di bilik bersalin



Bagi ibu mengandung yang hendak bersalin tetapi tidak mempunyai rekod pemeriksaan *antenatal* atau tiada dokumen keputusan saringan HIV (*unbooked/ unscreened*), maka ujian saringan HIV perlulah dilakukan dengan segera di bilik bersalin.



Tatacara Penggunaan
***Rapid Test Kit Syphilis* (ujian treponemal)**
Ke Atas Golongan Berisiko Tinggi
Di Negeri Johor

Algoritma penggunaan Rapid Test Kit Syphilis

- Tatacara penggunaan Rapid Test Kit Syphilis tertakluk kepada algoritma yang ditetapkan iaitu hanya digunakan untuk kumpulan berisiko tinggi MCH dan OPD dan pasangan mereka.
- Seperti yang dinyatakan dalam :
 - a) Malaysia Guidelines In The Treatment Of Sexually Transmitted Infections, Fourth Edition 2015, Kementerian Kesihatan Malaysia
 - b) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 10/2021: Pelaksanaan Pengukuhan Program Pencegahan Jangkitan HIV dan Sifilis dari Ibu ke Anak (no rujukan KKM-600-1/2/3 (17) Jld 2 bertarikh 28 Jun 2021)
 - c) Surat edaran bertarikh 20 Jun 2021 nombor rujukan JKNJ(K) 30(4)/156 Jld 5(31) bertajuk Meningkatkan Pengesanan Awal Penyakit HIV Dan Sifilis Di Kalangan Ibu Hamil Yang Berisiko Tinggi Di Negeri Johor (Lampiran D).

Penggunaan Rapid Test Kit Syphilis (ujian treponemal) yang dibekalkan ini hendaklah digunakan bagi kes dan situasi berikut:

a) Ibu hamil yang berisiko tinggi iaitu:

- 1) Kehamilan remaja
- 2) Ibu hamil tunggal
- 3) Ibu hamil yang mempunyai pasangan tetapi tidak daftarkan pernikahan
- 4) Ibu hamil yang bernikah lebih dari 1 kali
- 5) Ibu hamil yang pernah bercerai dan kemudian bernikah semula dengan pasangan yang sama atau berlainan selepas bercerai dalam tempoh yang lama.
- 6) Ibu hamil yang tinggal atau datang daripada kawasan pedalaman / orang asli
- 7) Ibu hamil yang mempunyai sosioekonomi tidak stabil/rendah
- 8) Ibu hamil atau pasangannya merupakan warganegara asing atau pendatang tanpa izin
- 9) Ibu hamil yang salah seorang pasangan bekerja jarak jauh.
- 10) Pasangan yang sering bekerja di luar dalam tempoh lama.
- 11) Pasangan kepada ibu hamil tersebut mempunyai pasangan/isteri lebih dari seorang.
- 12) Mempunyai hubungan kelamin lebih dari satu pasangan.
- 13) Ibu hamil yang mempuat hubungan kelamin tanpa sebarang alat pencegahan kehamilan tanpa nikah atau dengan berbilang pasangan.
- 14) Ibu hamil yang pernah mendapatkan rawatan sebarang jenis penyakit kelamin
- 15) Ibu hamil yang merupakan pekerja seks
- 16) Mempunyai sejarah kehamilan stillbirth / keguguran (miscarriage) walaupun sekali.
- 17) Mempunyai sejarah kehamilan yang tidak didaftarkan (un-booked / unscreened)
- 18) Ibu hamil atau pasangannya mempunyai sejarah atau masih minum arak/ mengambil sebarang bentuk dadah / klien methadone/ disahkan HIV atau sebarang penyakit kelamin.


b) **“Late booker”** iaitu ibu mengandung yang hadir pada trimester kedua atau ketiga (≥ 28 minggu)

c) **“Hard to reach population”** contohnya Orang Asli, pesakit yang tinggi risiko untuk keciciran lawatan (default)

d) **kes berisiko tinggi/key population** dari kumpulan men sex with men, Transgender, pekerja seks dan Klien berkongsi jarum suntikan.

Nota: pihak KK diminta untuk ‘print out senarai ini dan dipaparkan di ruang rawatan/ pengambilan darah bagi peringatan staf dari masa ke semasa.

Algoritma penggunaan Rapid Test Kit Syphilis di KK dan KD



- Melalui strategi ini, kumpulan berisiko tinggi terutama ibu mengandung yang hadir semasa lawatan antenatal kali pertama disaring menggunakan Rapid Test Kit Syphilis (ujian treponemal). Pada masa yang sama, sampel darah juga diambil untuk ujian RPR (Rapid Plasma Reagin).
- Jika keputusan **ujian Rapid Test Kit Syphilis (ujian treponemal) adalah positif**, pesakit tersebut atau ibu mengandung tersebut perlu dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga untuk dimulakan rawatan (dos pertama) pada hari yang sama. Rujukan juga boleh dilakukan melalui konsultasi panggilan telefon jika berada di kawasan pendalaman.
- Jika keputusan **ujian Rapid Test Kit Syphilis (ujian treponemal) adalah negatif**, ujian perlu diulang pada minggu ke 28 hingga 32 dan pada 36 minggu kehamilan bagi ibu yang berisiko sekiranya masih negative.
- Manakala, bagi ibu yang hadir lewat (late booker) pada trimester ketiga (≥ 28 minggu) perlu diulang ujian selepas satu bulan. Ini bagi menjamin sekiranya ibu didapati positif Sifilis, maka rawatan lengkap masih sempat diberikan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ibu melahirkan anak.

- Setelah keputusan RPR diperolehi, ibu yang didapati positif ujian Rapid Test Kit Syphilis (ujian treponemal) dan reaktif ujian RPR boleh dipertimbangkan untuk rawatan dos kedua dan ketiga terutamanya bagi ibu yang dikategorikan sebagai late latent syphilis/ sejarah rawatan yang telah melebihi dua tahun/ tidak mempunyai dokumentasi rawatan yang terdahulu/ tempoh rawatan tidak diketahui
- Sampel darah yang sama disyorkan dihantar untuk ujian pengesahan TPHA/TPPA kepada pihak makmal di hospital.

Nota:

Sekiranya keputusan ujian RTK Syphilis dan RPR yang dilakukan di klinik kesihatan meragukan terutama di kalangan kumpulan berisiko tinggi, pihak KK hendaklah menghantar satu sampel RPR ke hospital untuk verifikasi. Ini adalah kerana wujud keadaan dinamakan 'prozone phenomenon' dan false negative'

Dokumentasi penggunaan ujian RTK Syphilis:

- Hasil ujian RTK Syphilis yang dijalankan perlu dilaporkan sebagai POSITIVE atau NEGATIVE
- Setiap ujian RTK Syphilis yang dijalankan WAJIB didokumenkan dengan lengkap maklumat berikut di dalam kad rawatan pesakit/kad antental:
 - tarikh ujian
 - keputusan ujian : positif atau negative
 - batch atau nombor lot
 - jenama RTK
 - Pegawai yang menjalankan ujian

Nota:

Digalakkan pihak klinik kesihatan membuat cop masing-masing untuk melancarkan pengurusan di lapangan

Pihak KK hendaklah melaporkan segera melalui whatsapp/email kepada KPPK Unit HIV/STI/Hepatitis C JKN Johor dengan segera sekiranya terdapat masalah/false positive-negative pada RTK yang digunakan.



Keperluan Notifikasi Bagi penyakit Syphilis



The banner features a central blue box with the text 'eNotifikasi' in white. Surrounding this are several images: a laboratory setting with scientists, a doctor examining a patient, a 3D model of a virus, and a bar chart with a line graph. The background is light green with scattered virus icons.

eNotifikasi

Sistem Maklumat Penyakit Berjangkit

Pengguna ID

Kata Laluan

[Lupa Katalaluan](#)

Masuk Sistem

Sila Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan ke dalam kotak yang berkenaan kemudian klik 'Masuk Sistem'.

Paparan terbaik menggunakan Mozilla FireFox v3.6 ke atas atau Internet Explorer v8 ke atas.

Hak Cipta Terpelihara © 2011 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

KEPERLUAN BAGI SISTEM ENOTIFIKASI

- Perlu pastikan **PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB** yang boleh memasukkan maklumat dalam Sistem Enotifikasi.
- WAJIB patuh kepada **AKTA KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT BERJANGKIT 342** dan **KERAHSIAAN PESAKIT**
- Perlu dapatkan **USER NAME DAN PASSWORD** dari Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan.
- Perlu menjalani **LATIHAN** sebelum melaksanakan sistem Enotifikasi

Maklumat Peribadi

Maklumat Kediaman

Diagnosis Penyakit

Ujian Makmal

Maklumat Pemberitahu

7 Maklumat Notifikasi

No Siri Notifikasi

Tkh Terima Notifikasi

Tkh Input Notifikasi

8 Maklumat Kemasukan/Rawatan Pesakit

No./Nama Wad / Klinik

No Daftar Rawatan

Tarikh Masuk Hospital/Rawatan

9 Diagnosis Penyakit

*Diagnosis

Sub Diagnosis

*Tarikh Diagnosis

- PROBABLE CONGENITAL SYPHILIS
- ACQUIRED SYPHILIS
- SYPHILITIC STILLBIRTH

10 Cara Pengesanan Kes

Cara Pengesanan Kes

Aktif Pasif Saringan

Saringan

11 Status Pesakit

Status Pesakit

Hidup Mati

12 Tarikh Onset

Tarikh Onset

DIAGNOSA: Terdapat pilihan :
Probable congenital syphilis
Acquired Syphilis
Syphilitic Stillbirth

Maklumat Peribadi

Maklumat Kediaman

Diagnosis Penyakit

Ujian Makmal

Maklumat Pemberitahu

7 Maklumat Notifikasi

No Siri Notifikasi

Tkh Terima Notifikasi

Tkh Input Notifikasi

8 Maklumat Kemasukan/Rawatan Pesakit

No./Nama Wad / Klinik

No Daftar Rawatan

Tarikh Masuk Hospital/Rawatan

9 Diagnosis Penyakit

*Diagnosis

Sub Diagnosis

*Tarikh Diagnosis

10 Cara Pengesanan Kes

Cara Pengesanan Kes Aktif Pasif Saringan

Saringan

11 Status Pesakit

Status Pesakit Hidup Mati

Tarikh Mati

Sebab Kematian

Sebab Lain-Lain

12 Tarikh Onset

**STATUS MATI:
LENGKAPKAN DENGAN TEPAT**

Maklumat Peribadi

Maklumat Kediaman

Diagnosis Penyakit

Ujian Makmal

Maklumat Pemberitahu

***13 Ujian Makmal Pengesahan**

Ara Ujian

Ada Tiada

Nyatakan bacaan RPR di ruang kosong

Ujian Makmal 1

*Nama Ujian Pengesahan

Catatan

FTA

TPHA

*Tarikh Sampel Diambil

Tarikh Diterima Makmal

Keputusan Ujian

Positif Negatif Belum Siap Equivocie

Tarikh Keputusan

Tambah Ujian

Hapus Ujian

**UJIAN MAKMAL:
PILIHAN :RPR/FTA/TPHA**

14 Kes Klasifikasi

Status Diagnosis

Klinikal Disahkan Makmal(Lab confirmed) Probable Epid Link

Jenis Jangkitan

Tempatan Import

**Bagi kes disahkan sifilis:
WAJIB isikan maklumat RPR dan
TPHA**



Kes Sifilis

- Perlu nyatakan:
 - RPR dan tarikh ujian dilakukan, diterima makmal dan keputusan diterima dengan lengkap.
 - Nyatakan bacaan RPR di ruang kosong
 - TPHA/TPPA adalah Ujian pengesahan syphilis .Nyatakan tarikh ujian dilakukan, diterima makmal dan keputusan didapati dengan lengkap.



Kes Sifilis

- Bagi kes yang pernah didiagnosa sifilis, ujian TPHA akan positive dalam tempoh bertahun-tahun (# 15tahun)
- Namun, pesakit boleh mendapat jangkitan baru setelah terdedah dengan risiko (new infection), di mana perlu dirawat semula.
- Maka sekiranya kes tersebut mempunyai risiko jangkitan baru dan diberi rawatan, kes ini perlu dinotifikasi dan didaftarkan semula dalam enotifikasi.
- Ini termasuklah kes ibu hamil positif Sifilis.

ARAHAN PENTADBIRAN BAGI NEGERI JOHOR KE ATAS KES 'CONGENITAL SYPHILIS'

- **WAJIB** notifikasi semua kes yang dilahirkan oleh ibu yang positif Sifilis regardless keputusan ujian bagi bayi iaitu RPR/TPHA/TPPA positif atau tidak.
 - Ini adalah untuk memastikan bayi tersebut ditindaksusul oleh Pejabat Kesihatan daerah mengenai status kelahiran dan bagi pemantauan dalam jangka masa panjang samada bayi tersebut akan menghidap sifilis.

The background features several lightbulb icons. One is on the left, one at the top center, and one on the right. They are drawn with white outlines and a cyan filament. The background is a gradient of grey and blue, with a yellow and orange geometric pattern in the bottom left corner.

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian kesihatan Awam
Jabatan kesihatan Negeri johor